



**Menteri Besar Perlis  
Dato' Seri [Dr.] Shahidan Kassim**



**My KUKUM: Selepas berusaha keras menyakinkan Kerajaan Pusat untuk membawa KUKUM ke Perlis, apakah perasaan Dato' Seri menjelang konvolesyen pertama KUKUM pada 22 Julai ini?**

**Dato' Seri (Dr.) Shahidan Kassim:** Saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Pusat. Saya ada beberapa nama yang ingin saya sebut di sini...tetapi saya enggan sebutkan. Saya percaya nama-nama itu yang berkuasa di peringkat kebangsaan tatkala perancangan awal untuk membawa KUKUM ke Perlis dan telah memainkan peranan yang besar. Maklumlah ketika KUKUM hendak dibina, negara kita sedang dilanda atau masih dalam krisis kewangan. Jadi, wang adalah satu faktor yang sangat membebankan kepada semua pihak. Kerana itulah, pembinaan dan penubuhan KUKUM sebagai sebuah kolej universiti agak terlewat biarpun Perlis menerima kelulusan itu lebih awal daripada KU yang lain. Malangnya, ada KU yang menerima kelulusan yang lebih lambat daripada KUKUM, dibina lebih awal daripada KUKUM. Bagaimanapun, perkara itu tidak pernah melemahkan saya untuk terus-terus berjuang demi memastikan KUKUM dapat dibina di Perlis. Alhamdulillah, sekarang selepas empat tahun, KUKUM akhirnya dapat mengeluarkan graduan pertama. Apa yang boleh saya katakan lagi...kecuali jutaan tahniah kepada pengurusan KUKUM.

**My KUKUM: Apakah faktor kekuatan utama KUKUM Dato' Seri?**

**Dato' Seri (Dr.) Shahidan Kassim:** Jawapan itu ialah KUKUM mendapat pengurusan yang sangat hebat. Rektor (Dato' Kamarudin Hussin) dan semua warga kerja KUKUM telah bekerja keras untuk memastikan KUKUM berjaya seperti sekarang. Tahniah saya ucapan.

**My KUKUM: Dato' Seri, apakah harapan Dato' Seri kepada semua bakal graduan sulung KUKUM?**

**Dato' Seri (Dr.) Shahidan Kassim:** Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua bakal graduan kerana berjaya menamatkan pengajian. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka kerana memilih Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) sebagai universiti mereka. Ini bermakna mereka telah memberikan sepenuh kepercayaan kepada KUKUM. Walhal ada banyak lagi universiti di Malaysia. Kita ada Universiti Malaya & kita ada Universiti Sains Malaysia. Malah, di Perlis kita ada Universiti Teknologi MARA (UiTM). Bagaimanapun mereka memilih KUKUM. Saya gembira dengan mereka. Oleh kerana itu, saya berharap mereka jagalah keperibadian dan nama baik KUKUM selepas menamatkan pengajian di sini.

**My KUKUM: Apakah yang ingin Dato' Seri mahu mereka lakukan selepas ini?**

**Dato' Seri (Dr.) Shahidan Kassim:** Kalau boleh saya mahu mereka terus menyambungkan pelajaran. Mana yang mahu bekerja, silakan. Mana yang mahu terus belajar, saya mengalu-alukan dan sentiasa memberi galakan. Sebenarnya tiada istilah tamat pengajian. Saya sendiri mengambil masa lima tahun untuk menamatkan pengajian. Malah, saya juga tidak berhenti di sini. Saya juga masih di peringkat belajar. Masih banyak perkara yang perlu saya pelajari. Begitu juga dengan bakal graduan.

**My KUKUM: Akhir kata, apakah yang Dato' Seri mahukan daripada graduan sulung ini?**

**Dato' Seri (Dr.) Shahidan Kassim:** Harapan saya jadilah graduan yang berguna kepada bangsa dan negara. Carilah jalan bagaimana mereka boleh membala jasa kerajaan. Saya fikir inilah pembalasan paling hebat yang mereka boleh lakukan.

TAMAT

